

PEMANFAATAN APLIKASI TWITTER SEBAGAI MEDIUM PERKONGSIAN ISU TERKINI DALAM AGAMA

Siti Nur Sarah Binti Hamdani¹ Afiqah Binti Mohammad Sa'ad² Nur Aida Adlina Binti Izani³

Prof Madya Dr Syed Najihuddin Bin Syed Hassan⁴

¹Faculty of Quranic and Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: sarah.hamdani@raudah.usim.edu.my)

²Faculty of Quranic and Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (Email: fyqasaad@raudah.usim.edu.my)

³Faculty of Quranic and Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: aidaadlina71@raudah.usim.edu.my)

⁴Faculty of Quranic and Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: syednajihuddin@usim.edu.my)

Abstrak: Peningkatan terhadap penggunaan aplikasi pada masa kini merupakan sebuah pencetus kepada perubahan struktur perkongsian ilmu kepada masyarakat. Hal ini kerana, wujudnya kelebihan pada aplikasi tersebut dalam memudahkan proses perkongsian maklumat itu berlaku. Salah satu daripada aplikasi tersebut adalah Twitter. Twitter dikenali sebagai sebuah aplikasi yang memaparkan pesanan teks pendek kepada pengguna dan dibawakan elemen mikroblog padanya. Kombinasi bagi kedua-dua perkara tersebut menjadi tarikan apabila Twitter mampu memberikan maklumat berkaitan isu terkini yang sedang berlaku malah tidak ketinggalan juga isu-isu yang berkaitan dengan agama secara pantas kepada pengguna. Namun, aplikasi ini sering disalahertikan hanya sebagai sebuah platform bagi mengakses gosip terkini atau perkara-perkara tular yang tidak berfaedah. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis kebaikan aplikasi Twitter sebagai sebuah platform untuk berkongsi dan berdiskusi tentang maklumat terkini termasuklah isu-isu yang berkaitan dengan agama. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif iaitu melalui kajian kepustakaan dan analisis kepada bahan-bahan rujukan seperti kandungan maklumat yang dikongsikan di laman Twitter. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa aplikasi Twitter mampu menjadikan masyarakat cakna tentang isu-isu terkini dalam agama terutama kepada golongan muda. Di samping Twitter berkeupayaan menjadi platform perkongsian yang ringkas dan pantas buat masyarakat menambah pengetahuan tentang sesuatu isu. Hal ini kerana, wujudnya ruang bagi pengguna melakukan perbincangan berbentuk pendapat mahupun kritikan padanya. Kesimpulannya, kewujudan aplikasi Twitter telah memudahkan masyarakat untuk sentiasa mengemaskini perkara yang sedang dibincangkan malah berpeluang untuk mengetahui tentang pendekatan-pendekatan yang sesuai terhadap perkara

tersebut sebagai sebuah pendedahan awal kepada mereka. Maka, melalui kajian ini diharapkan dapat memberi kesedaran dan pengetahuan tentang kebaikan Twitter sebagai sebuah aplikasi bagi berkongsi sesuatu isu dan membantu masyarakat untuk memahami isu tersebut melalui diskusi-diskusi ringkas selaras dengan tuntutan agama.

Kata Kunci: Pemanfaatan, Twitter, Perkongsian, Isu Terkini

Pengenalan

Selari dengan perkembangan teknologi digital pada era kini, media sosial telah mencetuskan suatu perubahan yang ketara dalam kehidupan masyarakat. Hal ini kerana, media sosial berperanan penting dalam menyebarkan maklumat dan mendidik masyarakat tentang isu-isu yang sering dibahaskan kini iaitu perkara berkaitan dengan masalah sosial, ekonomi, politik dan agama (Omar et al., 2015). Keupayaan teknologi masa kini dapat dilihat apabila pada dekad yang lepas, penggunaan media tradisional secara berperingkat telah berubah kepada media baharu yang lebih bersifat mesra pengguna. Hal ini kerana, media baharu tidak terikat dengan ruang dan waktu dalam pemberitaannya. Malah masyarakat dengan mudah dapat mengakses segala maklumat di mana sahaja. Jika hendak dibandingkan dengan kemudahan sebelum ini seperti surat khabar, televisyen atau radio ia agak sukar untuk pengguna mengetahui isu terkini serta maklumat dengan pantas dan perlu mengikuti masa dan waktu yang disiarkan. Sebaliknya, media sosial yang ditawarkan kini adalah aplikasi yang dapat membantu masyarakat mengakses segala informasi dengan mudah dan pantas hanya melalui alternatif atas talian. (Suminto & Farizi, 2020)

Tidak dapat dinafikan bahawa perkembangan media sosial menjadi satu fenomena global yang semakin popular kerana ia dapat dimanfaatkan oleh pengguna dan mereka diberi peluang untuk berkongsi pengetahuan dan maklumat melaluinya (Yusof & Zulkifli, n.d.). Bukan itu sahaja, malah ia berfungsi sebagai medium penyampaian komunikasi dan interaksi sesama masyarakat. Secara khususnya, perkongsian ini berlaku dalam struktur yang formal mahupun tidak formal. Tambahan pula platform yang mudah ini, sering dimanfaatkan oleh ahli akademik untuk berkongsi tentang sesuatu pengajaran dan pembelajaran (Yusof & Zulkifli, n.d.).

Dalam kajian ini, laman media sosial yang telah dipilih untuk dikaji adalah aplikasi Twitter. Seiring dengan perkembangan pesat aplikasi-aplikasi yang telah wujud sebelumnya seperti Friendster dan Facebook, Twitter merupakan suatu nafas baharu yang berinovasi dan masih kekal dan relevan sehingga kini untuk menerajui gelombang media sosial dalam kalangan masyarakat (Tang & Hew, 2017). Justeru, daripada pelbagai jenis media sosial yang terkenal, Twitter telah muncul dan menjadi pilihan pengguna bagi menjalani aktiviti sosial harian mereka. Secara amnya, Twitter berperanan sebagai sebuah alat komunikasi dan interaksi bagi pengguna-pengguna media sosial. Hal ini kerana, Twitter dilengkapi dengan pelbagai kemudahan yang dapat membantu urusan sosial mereka seperti ruangan web peribadi, ruangan perkongsian ilmu, ruangan perbincangan forum, e-mel, ruang sembang dan butang untuk memuat naik gambar dan video (Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam et al., n.d.).

Memandangkan Twitter menawarkan pelbagai kemudahan bagi pengguna dan salah satunya berkaitan dengan penyebaran dan pendapatan maklumat yang berilmiah, maka hal ini

sedikit sebanyak membantu mereka untuk memanfaatkan aplikasi tersebut dengan mengambil cakna perihal-perihal terkini yang terkait dengan agama. Bukan itu sahaja, Twitter berperanan penting sebagai sebuah platform untuk berinteraksi sesama individu dan ini dapat membantu mereka untuk sering berkongsi maklumat yang berilmiah melalui bebenang atau dikenali sebagai 'thread' yang mereka reka sendiri (Muhammad Aiman, 2019). Sememangnya, Twitter juga berjaya membuktikan kemampuan mereka dalam memberi maklumat yang terkait dengan sesuatu hal secara pantas kepada pengguna dengan menggunakan karakter 'trending' pada aplikasi mereka. Secara tidak langsung, hal ini membantu pengguna mengakses perkara terkini yang sedang dibahaskan dan dapat mengetahui di peringkat awal tentang diskusi kepada isu tersebut.

Adapun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa masih ada kepincangan dan kelompongan pada Twitter sebagai salah satu aplikasi media massa era kini. Perkara ini sudah tersedia maklum apabila konsep teknologi itu sendiri telah menjelaskan bahawa masih ada kesan negatif pada penggunaannya dan hal ini bergantung kepada cara penggunaan bagi setiap individu itu sendiri, Namun, hal ini tidak membatasi pelbagai kelebihan yang ada pada aplikasi Twitter untuk berfungsi sebagai sebuah aplikasi yang bermanfaat kepada masyarakat. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi menganalisis medium Twitter sebagai sebuah aplikasi yang bermanfaat kepada masyarakat pada peringkat awal untuk mereka mengambil cakna dalam konteks perkongsian sesama mereka sama ada berkongsi maklumat atau dikongsi maklumat tentang isu terkini yang terkait dengan agama. Manakala, objektifnya adalah untuk mengenal pasti segala kelebihan yang ada pada Twitter sebagai sebuah medium perkongsian tentang perihal terkini yang terkait dengan isu agama.

Metodologi Kajian

Pengkaji telah mengaplikasikan kaedah berbentuk kualitatif bagi kajian ini. Bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam, pencarian maklumat melalui kajian kepustakaan telah dijalankan. Malah, untuk mendapatkan pemahaman tentang topik ini, analisis kepada bahan-bahan rujukan seperti kandungan maklumat yang dikongsi oleh pengguna-pengguna di laman Twitter juga turut diperhatikan.

Sorotan Literatur

Menurut Syaifudin (2016), Irfani (2018) dan Chelsea (2020) Twitter merupakan sebuah laman mikroblog yang dilengkapi dengan alternatif pesanan ringkas yang telah diasaskan dan dicipta pada lebih sedekad yang lepas. Aplikasi ini bertindak sebagai medium interaktif dalam menyebarkan informasi terkini sesama masyarakat. Tambahan pula, sejak Twitter dilancarkan ia berjaya menjadi salah satu daripada aplikasi yang sering dikunjungi dan digunakan oleh pengguna media sosial. Hal ini kerana, menurut Bagus (2018) dan Irwan (2022), Twitter telah dilengkapi dengan pelbagai fitur menarik yang menjadikan ia masih relevan buat semua pengguna sehingga kini. Antara fitur tersebut adalah berupa pesanan teks ringkas yang terhad kepada beberapa karakter sahaja telah menarik minat pengguna untuk membacanya. Tambahan pula, pelbagai fitur lain seperti *hashtag*, *trending*, *thread* dan *twitter space* telah memberikan manfaatnya yang tersendiri.

Melalui hal tersebut, maka dapat dilihat bahawa Twitter adalah salah satu daripada aplikasi di media sosial yang dapat memberikan kemudahan yang sewajarnya kepada masyarakat dengan pelbagai fitur yang mereka sediakan. Oleh itu, berdasarkan pendapat Lukman (2017), Noor Athirah (2019) dan Laili (2022), Twitter telah memberikan pelbagai manfaat buat penggunaannya untuk berkongsi sebarang maklumat mahupun sebagai saluran komunikasi dengan masyarakat secara amnya. Walaupun pada hakikatnya, masih wujud kelompongan dan kekurangan bagi aplikasi-aplikasi di media sosial ini. Namun begitu ia tidak menjejaskan kelebihan yang ada kerana pada aplikasi ini kerana terdapat lambakan kemudahan yang wajar dimanfaatkan. Memandangkan penggunaan bagi setiap aplikasi termasuk Twitter, kelebihan dan kekurangannya bergantung kepada cara penggunaan dan pengaplikasian aplikasi tersebut oleh individu itu sendiri. Maka, Twitter mampu menjadi platform yang sesuai untuk berkongsi tentang-tentang isu-isu terkini dalam agama disebabkan kepantasannya dalam mengemaskini maklumat yang menjadi trend dalam kalangan masyarakat. Melaluinya, masyarakat menjadi cakna atas pendedahan awal yang telah lampir di laman Twitter berkenaan sesuatu isu terkini. Malahan, ia sesuai bagi menjadi sebuah ruangan diskusi dengan masyarakat dan orang berpengaruh yang mahir dalam sesuatu jurusan dalam agama.

Hasil Dapatan Kajian

Definisi Istilah

Kajian ini membincangkan tentang sebuah topik yang berjudul 'Pemanfaatan Aplikasi Twitter sebagai Medium Perkongsian Isu Terkini dalam Agama'. Oleh itu, untuk memahami dengan lebih lanjut tentang topik ini, perlu dilihat kepada takrifan secara istilah bagi beberapa terma yang perlu diperhalusi tentang diskusinya.

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga, perkataan 'Pemanfaatan' ditakrifkan sebagai perihal atau perbuatan memanfaatkan: apa yang berlaku ialah timbulnya penyesuaian dan terhadap unsur-unsur sastera tradisi Islam itu dalam pelbagai unsur yang diserapkan secara berseni. Pemanfaatan merupakan turunan kata daripada kata 'manfaat', iaitu suatu penghadapan yang semata-mata menunjukkan kegiatan menerima. Penghadapan tersebut pada umumnya mengarah pada perolehan atau pemakaian hal-hal yang berguna baik dipergunakan secara langsung mahupun tidak langsung agar dapat bermanfaat. Sedangkan menurut Prof. Dr. J.S. Badudu dalam Kamus Umum Bahasa Indonesia, mengatakan bahawa "Pemanfaatan adalah hal, cara, hasil kerja dalam memanfaatkan sesuatu yang berguna"

'Twitter' adalah sebuah media sosial yang pertama kali dilancarkan pada Julai 2006 dengan nama "twtr". Twitter menggabungkan dua format iaitu format media rangkaian sosial dan blog atau dikenali sebagai 'microblogging'. Seseorang boleh mengikuti akaun profil lain atau dirujuk sebagai "follower" untuk berpeluang melihat kandungan yang dihasilkan oleh akaun profil tersebut tanpa perlu diikuti semula (follow back) oleh akaun yang diikuti oleh pengikut tersebut. Seseorang tidak boleh mengulas mengenai kandungan yang dihasilkan oleh akaun profil tertentu. Dari segi privasi, seseorang boleh menjadikan akaun profil Twitternya privasi atau tidak. Sehingga 30 Jun 2016, bilangan pengguna Twitter aktif secara global mencapai 313 juta pengguna setiap bulan. Sebanyak 82% daripada pengguna ini mengakses Twitter melalui telefon mudah alih (Vience, 2016).

Adapun begitu, secara amnya ‘perkongsian’ pada topik ini didefinisikan sebagai suatu proses penukaran pengalaman, peristiwa, pemikiran, maklumat atau kefahaman tentang segala jenis perkara secara am dan hasil daripadanya adalah berbentuk kefahaman yang jelas berkenaan perkara yang diragui (YUSOF & ZULKIFLI, n.d.). Pada hakikatnya, ‘perkongsian’ menambah nilai kepada pengetahuan seseorang kerana pengetahuan tidak bernilai sehingga ia dipindahkan. Oleh itu, perkongsian adalah suatu komitmen yang melibatkan proses pemberitahuan dan penerimaan maklumat. Hal ini bersangkutan-paut dengan aktiviti sosial manusia apabila menggunakan aplikasi Twitter.

Maka perkara yang dikongsikan itu berkaitan dengan sesuatu ‘isu terkini’. “Isu terkini” ditakrifkan sebagai semua jenis perihal yang dibangkitkan pada satu-satu masa dan ia menjadi terkenal serta tular dalam kalangan masyarakat. Pada dasarnya, isu selalu bersumber daripada suatu masalah dan ia merupakan satu hal yang terjadi baik dalam mahupun di luar organisasi. Maka, suatu isu apabila tidak ditangani secara baik akan memberikan kesan negatif terhadap organisasi dan akan berlanjutan sehingga ke tahap yang lebih kritikal (Rachmat Kriyantono, 2012). Antara isu-isu yang biasa dibahaskan masa kini di dalam media sosial sudah tentu berkaitan politik, ekonomi dan tidak ketinggalan juga berkaitan agama. Melalui media sosial berupa Twitter, peluang telah tersedia kepada pengguna untuk memanfaatkannya dengan membahaskan kandungan agama yang telah dikongsi kepada masyarakat supaya mereka mengambil cakna tentang perkara itu. Hal ini juga memberikan mereka peluang untuk memperoleh pendedahan awal tentang sesuatu isu terkini supaya ianya tidak semata-mata tular sedangkan ia boleh dibincangkan dengan lebih lanjut daripada sudut agama tentangnya.

Pengenalan kepada Aplikasi Twitter

Twitter merupakan sebuah aplikasi yang diasaskan pada Mac 2006 dan dilancarkan laman rangkaian sosialnya pada Julai tahun yang sama oleh Jack Dorsey. Walaupun penciptaannya sudah melebihi satu dekad, namun popularitinya masih kekal utuh sehingga kini malah ia dinobatkan sebagai salah satu daripada lima media sosial yang paling banyak diakses oleh masyarakat (Maria, 2020). Di samping itu, Twitter merupakan sebuah laman sosial blog mikro (microblogging) yang dikenali sebagai platform interaksi dan informasi dalam talian. Aplikasi ini memberi peluang kepada penggunanya untuk membaca, memuat naik atau menyampaikan pesanan ringkas dan pendek sehingga 280 karakter yang dikenali sebagai ‘tweet’ atau kicau. Adapun begitu, istilah “twitter” itu sendiri pada awalnya bernama “twtr” yang terinspirasi oleh aplikasi “flickr”.(Kosasih et al., n.d.) Sehingga tahun 2020, platform komunikasi ini berjaya mengumpul 1.3 bilion akaun berdaftar dan 336 juta pengguna aktif akan menghantar sekitar 500 juta tweet setiap hari.(Karami et al., 2020)

Seperti yang sudah tersedia maklum, setiap aplikasi dalam media sosial itu ada sasaran penggunanya tersendiri walaupun pada dasarnya semua golongan tersebut dibenarkan menggunakannya, bergantung kepada had umur yang telah ditetapkan. Maka, pengguna bagi Twitter tidak lain tidak bukan didominasi oleh golongan muda, golongan dewasa yang memiliki profesion tinggi dan para influencer (Muhammad Aiman, 2019). Semua golongan tersebut mempunyai akaun Twitter dan mempunyai matlamat dan kemahiran tersendiri untuk mereka sampaikan informasi yang mereka inginkan. Justeru, terdapat pelbagai tawaran yang Twitter berikan kepada penggunanya malah tidak dapat dinafikan bahawa Twitter tidak ketinggalan dalam mengemaskini fungsi-fungsi terkini supaya pengguna-pengguna dapat memanfaatkannya seiring dengan peredaran masa.

Oleh itu, terdapat pelbagai ciri pada Twitter yang dapat dimanfaatkan oleh pengguna mereka. Seperti biasa, setiap individu yang berhasrat untuk membuka akaun Twitter, mereka memerlukan e-mel yang sah bagi mendaftar masuk kepada aplikasi tersebut seperti yang diarahkan oleh sistem (Tang & Hew, 2017). Pada halaman utamanya, pengguna yang sudah berdaftar dibenarkan untuk mengemaskini apa sahaja yang ingin mereka kongsi di halaman tersebut sama ada dengan gambar atau video. Malah, seperti yang diketahui, Twitter popular dengan pesanan mesejnya yang ringkas dan padat. Maka, cara ini yang sering digunakan pengguna di twitter untuk berkongsi sesuatu isu atau perkara yang dikenali sebagai 'tweet' atau kicau dengan menggunakan had aksara yang telah ditetapkan.

Bukan itu sahaja, sekiranya pengguna ingin berkongsi informasi yang berbentuk perbincangan dan diskusi yang panjang dan terperinci, pengguna berpeluang untuk memuat naik 'thread' atau dikenali sebagai bebenang. 'Thread' adalah sebuah untaian mesej yang berturutan daripada sebuah 'tweet' bagi membahaskan dan memperincikan sesuatu isu. Selain komunikasi awam berskala besar, pemesejan peribadi juga disediakan buat pengguna. Melainkan 'tweet' dibuat secara peribadi, ia tersedia juga secara terbuka dan pengguna Twitter boleh menunjukkan reaksi dan interaksi mereka dengan menekan butang 'retweet' (tweet semula) atau untuk sebarang bentuk komen pada 'tweet' tersebut boleh menekan butang 'quote tweet' (petik tweet) dan berkongsi perihal tersebut pada profil mereka. (Karami et al., 2020)

Selain daripada itu, pengguna boleh melanggan siaran orang lain dengan "mengikuti" (follow) individu tertentu, dan menekan butang "suka" pada tweet tertentu seperti yang boleh dilakukan di Facebook. Bukan itu sahaja, pengguna juga boleh mencari pengguna lain secara khusus dengan menambahkan symbol 'alliance' (@) di hadapan nama yang mereka cari dan untuk menjana topik perbincangan berfokus secara tematik, aplikasi ini menggunakan simbol 'hashtag' (#) untuk memudahkan pencarian. (Tang & Hew, 2017) Justeru, Twitter telah membuktikan ciri yang mereka sediakan itu tidak rumit bagi pengguna. Tambahan pula, untuk mengetahui tentang perkara popular atau trend yang sedang dibincangkan dalam kalangan masyarakat pada satu-satu masa Twitter adalah aplikasi yang terpantas untuk mengemaskini maklumat berkaitan isu tersebut. Hal ini kerana, sememangnya wujud pada sistem carian di Twitter tentang isu yang teratas dan terbanyak diulang sebut sama ada menggunakan tweet, retweet, komen dan sebagainya yang akan menjadikan ia sebagai isu yang sedang trend pada masa-masa tertentu. Malah kini, Twitter turut melancarkan fungsi yang dikenali sebagai 'twitter space' (ruangan twitter) yang berperanan sebagai ruangan diskusi dan perbincangan tentang sesuatu perkara. Ia tidak terhad hanya digunakan sebagai platform berkomunikasi secara atas talian, tetapi ia turut dimanfaatkan oleh pengguna untuk mendengar isu atau perihal yang mereka minati.

Atas faktor tersebut, Twitter berjaya mengekalkan identitinya sebagai sebuah aplikasi yang masih relevan walaupun sudah lama bertapak dalam teknologi digital. Memandangkan aplikasi ini sentiasa mengemaskini fungsinya agar menepati trend semasa, maka tidak dapat dinafikan kemampuannya sebagai sebuah medium perkongsian buat masyarakat mengakses dan mengambil cakna tentang sesuatu isu terkini yang berlaku dalam agama. Terutama sekali apabila twitter dikenali sebagai sebuah aplikasi yang terpantas dalam mengemaskini maklumat. Malah kemunculannya, telah mewujudkan satu peluang baru kepada masyarakat dan tidak ketinggalan juga para pendakwah disebabkan sifatnya yang menarik, pantas dan sangat interaktif. (Adnan Pitchan et al., 2018) Oleh itu, platform ini dapat memberi manfaat kepada penggunanya untuk mendapatkan maklumat dan menyampaikannya termasuklah berkaitan isu terkini dalam agama. Bukan itu sahaja, perkongsian itu dapat dijalankan dalam

bentuk diskusi dan perbahasan dengan menggunakan segala fungsi yang telah disediakan di antara golongan yang ingin mengambil tahu dan golongan yang ingin berkongsi maklumat.

Jenis Kandungan Maklumat di Laman Twitter

Perkongsian maklumat di laman Twitter merupakan sebuah perkara yang tidak asing lagi. Tambahan pula, pada masa kini pelbagai situasi telah menuntut seseorang individu untuk mendapatkan maklumat terkini secara pantas dengan hanya menggunakan hujung jari sahaja. Memandangkan aplikasi Twitter tidak terbatas kepada mana-mana bentuk informasi dan sesiapa sahaja berpeluang untuk memanfaatkannya bergantung kepada syarat dan had umur yang telah ditetapkan. Oleh itu, pelbagai topik dan isu sering diulas oleh masyarakat di Twitter termasuklah isu yang berkaitan dengan agama (Prasetya, 2018). Maka, pesan-pesan dakwah mahupun ulasan tentang sesuatu perkara terkini ada dipaparkan di laman Twitter dan ia terbahagi kepada beberapa kategori.

Kandungan Dakwah yang Berinformasi

Bagi kategori ini, kebiasaannya ia ditampilkan oleh pengguna dalam bentuk informatif, tanpa ada sebarang perkara tular yang sedang dibincangkan oleh masyarakat pada ketika itu. Ia bersifat sukarela atas keputusan pemilik akaun Twitter itu sendiri untuk berkongsi tentang kandungan dakwah yang mereka ingin sampaikan. Malah, ia terkait dengan perbincangan tentang amalan mengamalkan nilai Islam dalam konteks kehidupan seharian (Mukarom et al., 2021). Secara umumnya, perkongsian maklumat bagi kategori ini sering terpapar dalam bentuk arahan, cadangan larangan mahupun amalan menurut perspektif Islam. Sebagai contoh, topik berkaitan adab kepada ibu bapa atau paparan berupa mutiara kata (Quote) seperti perkongsian teks hadis pendek dan sebagainya.

Kandungan Dakwah Islamiah Kontemporari



Kategori ini sering memaparkan maklumat berbentuk fakta selari dengan realiti semasa yang sedang berlaku pada masa kini. Hal-hal terkait dengan fenomena kontemporari ini seringkali mengandungi pandangan, fatwa, idea dan pemikiran menurut perspektif Islam (Mukarom et al., 2021). Pada dasarnya, fenomena kontemporari ini merupakan sesuatu yang "baru" dan kandungan perkongsiannya lebih bersifat terkini dan lebih sesuai diperbaharui berpandukan dengan wacana agama dalam konteks moden. Antara contoh yang boleh dipelajari berkaitan fenomena ini adalah isu tentang Covid-19. Hal ini kerana, ia terkait dengan fiqhiyyah semasa antaranya berkaitan bab solat berjemaah, solat jumaat, haji dan umrah serta isu berkenaan vaksin. Kesemua perkara ini perlu dilihat dan dipelajari menurut perspektif Islam dengan menjaga maqasid syariah. Tambahan pula ia sesuatu perkara yang terkini, maka mahu atau tidak isu-isu tersebut perlu dibahaskan fatwanya mahupun hukumnya agar masyarakat cakna demi menjaga kemaslahatan masing-masing.


Kandungan Dakwah Islamiah Kontroversi

Berikutan itu adalah kandungan dakwah Islamiah bersifat kontroversi. Tidak dapat dinafikan bahawa sosial media adalah medium utama bagi pengumpulan isu-isu hangat yang sedang dibincangkan oleh masyarakat. Twitter juga tidak terlepas daripada merekodkan perkara ini. Maklumat jenis ini kebiasaannya akan mencetuskan perdebatan, polemik dan perbincangan yang sangat penting terutama apabila ia berkait dengan sentimen agama, bangsa, adat, budaya mahupun isu-isu yang berkaitan dengan hak kebebasan. Isu ini seringkali timbul sekiranya ada kelompok-

kelompok tertentu mencetuskan isu kontroversi dan boleh mendatangkan stereotaip yang kurang senang kepada masyarakat. Misalnya, isu LGBT, isu liberalism, isu peniruan amalan agama lain dan sebagainya. Tidak dapat dinafikan bahawa platform Twitter antara ruang diskusi yang aktif dalam membahaskan tentang isu-isu ini.

Contoh Kandungan Maklumat di Twitter

Bil.	Perkongsian Maklumat di Twitter	Jenis/ Bentuk
1.	<p>Isu tentang Penggunaan Istilah Agama dalam Kalangan Masyarakat</p> 	<p>Kandungan Dakwah Informatif</p>
2.	<p>Isu Banjir Melibatkan Pengagihan Sumbangan Makanan daripada Orang Sikh</p> 	<p>Kandungan Dakwah Islamiah Kontemporari</p>

<p>3.</p>	<p>Isu Sambutan Hari Natal / Krismas</p> 	<p>Kandungan Dakwah Islamiah Kontroversi</p>
-----------	---	---

Pemanfaatan Aplikasi Twitter sebagai Medium Perkongsian

Twitter berperanan sebagai medium perkongsian ilmu

Antara dampak positif yang terdapat dalam aplikasi Twitter sebagai salah satu medium perkongsian isu agama adalah medium perkongsian ilmu. Kini masyarakat gemar menggunakan medium Twitter sebagai salah satu tempat untuk membincangkan dan mengetahui isu-isu terkini dalam agama. Ini merupakan salah satu kelebihan dan manfaat kepada pengguna untuk bertukar-tukar pendapat selain berkongsi ilmu baharu di laman Twitter. Bak kata pepatah Inggeris, sharing is caring (Nadia Fauzi, 2017). Contohnya, perkongsian ilmu dalam pelbagai bentuk antaranya melalui teks, gambar ataupun video kepada pengikut-pengikutnya. Hal ini kerana, di laman Twitter kebanyakan orang menyuarakan pendapat masing-masing sama ada berkaitan isu mahupun pengetahuan am dan khusus yang pengguna ingin sampaikan secara ringkas, cepat, dan padat. Justeru, masyarakat lebih bebas dalam menyuarakan pandangan masing-masing dalam menyampaikan maklumat ilmiah secara terbuka kepada masyarakat umum.

Selain itu, influencer juga dapat membantu dalam membina dan mengukuhkan jaringan di media sosial terutama di laman Twitter di mana mereka sentiasa menyampaikan maklumat yang terkini dan membuat satu perkongsian ilmu yang bermanfaat kepada masyarakat. Seperti yang diketahui, influencer mempunyai pengikut yang begitu ramai. Sebagai contoh Dr. Zulkifli Mohammad Al-Bakri yang mempunyai pengikut seramai 596,000 orang. Beliau sangat arif dalam pelbagai bidang dan menjawab segala persoalan yang timbul di kalangan masyarakat di laman Twitter. Contohnya, pada sehari yang lalu timbul semula isu berkaitan kehalalan makanan yang disediakan oleh masyarakat Sikh di Gurdrawa bagi bantuan masa banjir.

Justeru itu, dalam perkongsian mengenai sesuatu fakta, secara tidak langsung dapat menarik minat remaja yang sering melayari laman sosial dengan maklumat yang

menarik lagi bermanfaat melalui bebanng ilmu. Ilmu yang bermanfaat menjadikan seseorang individu untuk berfikiran terbuka dan berpandangan jauh terutama berkaitan isu terkini. Allah Ta'ala berfirman:

مَثَلُ الَّذِينَ حُمِّلُوا التَّوْرَةَ ثُمَّ لَمْ يَحْمِلُوهَا كَمَثَلِ الْحِمَارِ يَحْمِلُ أَسْفَارًا ۚ بِئْسَ مَثَلُ الْقَوْمِ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ٥

“Perumpamaan orang-orang yang diberi tugas membawa Taurat, kemudian mereka tidak membawanya (tidak mengamalkannya) adalah seperti keledai yang membawa kitab-kitab yang tebal. Sangatlah buruk perumpamaan kaum yang mendustakan ayat-ayat Allah itu. Dan Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang zalim.” [Al-Jumu’ah/62: 5]

Berperanan sebagai medium perbahasan dan diskusi sesama masyarakat

Aplikasi Twitter adalah salah satu medium perbahasan dan diskusi antara satu sama lain yang membincangkan tentang isu-isu tertentu. Daripada itu, pengguna dapat berinteraksi dan menyuarakan pelbagai maklumat serta pandangan dengan kemahiran yang diperolehi tanpa batas antara ruang dan waktu. Di Twitter, terdapat fitur terbaru iaitu Twitter Spaces yang membolehkan setiap pengguna untuk menstrim sembang suara dengan pengguna yang lain secara langsung (Dukungan et al., 2022). Hal ini kerana, fitur “Space” ini tidak sama seperti di laman Facebook, Wasap, Instagram kerana laman ini hanya dapat bersembang suara dengan orang yang dikenali sahaja. Oleh itu, fitur terbaru di Twitter yang dipanggil Space telah memudahkan pengguna di laman tersebut berkomunikasi secara langsung dan mewujudkan ruang publik. Hal ini kerana, melalui Space ini pengguna dapat berdiskusi serta berinteraksi secara terbuka melalui perbualan audio secara langsung tanpa dengan jumlah yang tiada batas (Andi Nuraynan Salsabila, 2022).

Selain daripada fitur Space, Twitter juga menyediakan daftar trending. Melalui fitur daftar trending di Twitter, pengguna dengan mudah dapat mengetahui dan membaca serba sedikit tentang isu yang sedang dibicarakan oleh masyarakat (Dukungan et al., 2022). Contohnya, isu berkaitan bencana alam yang berlaku baru-baru ini seperti banjir di belah pantai timur, tragedi tanah runtuh di batang kali, dan sebagainya. Daripada tragedi tersebut, tidak putus dari hari ke hari beberapa pasukan membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi. Di samping itu, di laman Twitter juga sentiasa update kejadian yang berlaku di tempat kejadian pada setiap masa. Daripada itu, memudahkan masyarakat mengetahui satu-satu isu dari masa ke semasa tanpa perlu melihat di tempat kejadian. Jadi, maklumat tersebut akan sampai dengan cepat dan pantas kepada masyarakat tanpa perlu menunggu waktu dan masa siaran.

Twitter sebagai Medium Pengajaran dan Pembelajaran

Selain itu, antara manfaat aplikasi twitter ialah sebagai medium pengajaran dan pembelajaran. Hal ini bermaksud twitter bukan saja dijadikan sebagai medium menyebarkan sesuatu isu, bahkan ia juga boleh dijadikan sebagai gambaran umum atau

pendedahan awal terhadap sesuatu isu yang ada dan ia tidaklah juga menjadi kayu ukur untuk rujukan yang sebenar bagi sesuatu isu tersebut. Pada era kini, masyarakat semua sedia maklum, iaitu era kepesatan teknologi, segala maklumat pengguna ingini akan dapat dengan pantas dan laju yang pastinya boleh mengakses internet dan sudah semestinya haruslah mempunyai rangkaian internet yang baik supaya sesuatu perkara itu dapat berjalan dengan lancar. Hal ini menyebabkan kita dapat mengakses internet di mana sahaja tidak terikat dengan masa atau tempat yang kita ingini. Oleh itu, ia memudahkan semua pihak daripada pelbagai golongan untuk menggunakan aplikasi twitter ini untuk menjadikan ia sebagai tempat memperoleh sesuatu perkara atau tempat berbagi ilmu atau manfaat kepada semua golongan.

Seterusnya, manfaat twitter dari segi medium pengajaran, sesiapa sahaja individu yang arif atau tidak arif dalam sesuatu perkara seperti dalam bidang ilmu agama, ilmu pertanian, ilmu penternakan, ilmu kulinari dan sebagainya dialu-alukan untuk menyampaikan ilmu yang bermanfaat yang dimilikinya itu sebagai amal jariyah atau manfaat kepada setiap golongan individu. Ia juga tidak menetapkan syarat kebijaksanaan seseorang individu untuk menggunakan platform ini untuk memberi pandangan mereka terhadap sesuatu isi yang timbul. Hal ini merujuk kepada hadis Nabi SAW:

Daripada Abu Hurairah Radhiallahu ‘Anhu katanya, Rasulullah SAW telah bersabda: Jika anak Adam meninggal, maka amalnya terputus kecuali dari tiga perkara, sedekah jariyah (wakaf), ilmu yang bermanfaat, dan anak soleh yang berdo’a kepadanya.”

(HR Muslim)

Berdasarkan hadis riwayat ini, jelaslah bahawa setiap ilmu yang bermanfaat yang disampaikan atau disebarkan sama ada melalui bersemuka. Contohnya di sekolah, Universiti, Kolej, Institusi dan sebagainya atau secara atas talian seperti di Youtube, Instagram, Facebook, Twitter dan sebagainya akan sentiasa mengalir pahalanya walaupun kita sudah meninggal dan ianya juga menjadi bekalan pahala untuk akhirat kelak serta dapat memberatkan timbangan pahala kita nanti.

Selain itu, terdapat perkongsian pengguna twitter yang dikenali ramai sebagai influencer iaitu Ustaz Adnin Roslan telah memberi pengajaran mengenai musibah yang melanda seseorang individu. Menurut perkongsian beliau (Adnin Roslan, 2021), musibah yang terjadi bukan tiada makna, sebaliknya setiap musibah yang terjadi ada makna tersendiri yang Allah SWT sahaja yang mengetahui, boleh jadi Allah hendak menaikkan darjat, mahu memberi pahala dan sebagainya. Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana. Setiap ujian yang Allah timpakan kepada hambanya mempunyai sebab dan hanya Dia sahaja yang mengetahui. Secara umum, ada beberapa sebab kenapa Allah uji atau timpakan musibah untuk seseorang. Antara sebabnya adalah kerana Allah nak sedarkan hambanya dari kelalaian. Allah berfirman dalam Surah Yunus Ayat 12:

“Dan apabila manusia ditimpa bahaya dia berdo’a kepada Kami dalam keadaan berbaring, duduk atau berdiri, tetapi setelah Kami hilangkan bahaya itu darinya, dia kembali (ke jalan yang sesat), seolah-olah dia tidak pernah berdo’a kepada Kami untuk (menghilangkan) bahaya yang telah menimpanya. Demikianlah

dijadikan terasa indah bagi orang-orang yang melampaui batas apa yang mereka kerjakan...”

(Surah Yunus,10:12)

Berdasarkan ayat Al-Quran tersebut, menurut perkongsian Ustaz Adnin Roslan, oleh kerana terlalu lama lalai sehingga lupa pada Allah, Allah beri ujian agar kembali sedar sebagai hambanya. Oleh sebab itu, hamba yang ditimpa musibah kembali bertaubat kepadanya.

Antara contoh yang boleh dikaitkan ialah “Ujian hidup ibarat mengikat tali di leher unta, dan manusia mengikat tali tersebut di sebuah pohon. Apabila unta tersebut jalan ke hadapan, jalan selangkah, tiba-tiba bila dah sampai limit, tali ikatan itu akan meretap leher unta tersebut dan akhirnya membuatkan unta itu kembali ke pohon itu semula”. Begitu juga dengan hidup ini, Allah hantar ujian untuk sentap hati manusia agar kembali semula kepadanya. Kadang manusia hidup dan berjalan di muka bumi ini sehingga lalai bahawa seluruh tubuh ini kepunyaan yang Maha Esa. Namun, apabila ujian menerpa, ketika itu baru manusia akan rasa ingin berdoa pada Allah dan kembali kepadanya. Oleh sebab itu, manusia hendaklah menghargai segala ujian yang Allah beri dengan kembali bertaubat dan menyerahkan diri kepadanya dengan melaksanakan ketaatan dan meninggalkan larangannya (Adnin Roslan, 2021).

Selain itu, manfaat twitter dari segi medium pembelajaran pula, seperti yang sedia maklum sebagai gambaran umum atau pendedahan awal terhadap sesuatu isu yang ada dan ia tidaklah juga menjadi kayu ukur untuk rujukan yang sebenar bagi sesuatu isu tersebut. Hal ini bermaksud platform ini adalah hanya sebagai maklumat awal atau pembuka kata tentang sesuatu perkara atau sesuatu isu tersebut. Oleh itu, pengguna hendaklah menggunakannya sebagai medium pembelajaran ke arah yang membawa kepada kebaikan dengan mengambil input yang baik, ada manfaat dan kebaikan dalam diri, agama serta kehidupan. Contohnya, apabila membaca sesuatu isu atau maklumat, pengguna perlulah sentiasa berhati hati, berwaspada dan peka agar tidak terpesong terhadap ilmu yang menyalahi pemikiran terutama dalam isu yang berkaitan dengan agama. Jika berlaku demikian, maka timbulah kesalahfahaman terhadap sesuatu ilmu tersebut lebih lebih lagi ilmu yang berkait rapat dengan isu agama. Selain itu, bersikap adil dalam memberi pandangan terhadap sesuatu isu amat penting agar semua lapisan masyarakat tidak kira agama dan bangsa terutama negara Malaysia. Malaysia mudah menerimanya dengan hati yang terbuka. Sudah terang lagi bersuluh, dijadikan medium pengajaran dan pembelajaran merupakan antara manfaat twitter.

Memberi Kesedaran kepada Masyarakat tentang Isu Sekeliling.

Selain itu, antara manfaat lain aplikasi twitter ialah dapat memberi kesedaran tentang isu sekeliling. Hal ini bermaksud, dengan adanya platform ini, pengguna dapat mengetahui isu-isu yang telah berlaku di sekeliling mahupun dekat atau jauh dengan melihat isu yang trending di twitter. Contohnya, antara isu sekeliling yang menjadi topik perbualan hangat di twitter iaitu isu khitan anak perempuan. Antara contoh yang boleh diketengahkan ialah pengguna twitter yang dikenali ramai iaitu Dr. Amalina baru-baru ini berkongsi tentang isu khitan anak perempuannya yang berada di luar negara iaitu di United Kingdom. Menurut perkongsian beliau (Dr. Amalina, 2022), undang-undang di sana tidak menetapkan kewajipan untuk khitan bagi anak perempuan kerana perkara tersebut dikategorikan sebagai *FGM* iaitu femal genital mutilation atau dalam Bahasa Melayu dikenali sebagai pencacatan alat kelamin perempuan dan ianya akan dikenakan tindakan undang-undang jika berkeras melakukannya kerana sudah ada kes di negara tersebut dimana rakyat Malaysia yang telah khitan anak mereka telah dikenakan tindakan undang-undang dan anak mereka diambil oleh *social services* atau khidmat sosial.

Oleh sebab itu, pelbagai kecaman yang tidak berasas dilemparkan kepada Dr. Amalina berkaitan isu tersebut dan ada juga ulasan yang membangkang tentang perkongsian tersebut dan ada juga sesetengah individu yang memberikan komen yang tidak senonoh dan berunsur lucah seperti yang dilihat sikap individu tersebut tidak berilmu dan hanya ingin mencari kesalahan orang atau inginkan populariti semata-mata. Justeru, sebagai pengguna disarankan untuk mengkaji mengenai sesuatu isu yang timbul sebelum membuat tindakan atau ulasan di twitter agar dapat menjaga keharmonian bersama. Berbalik semula mengenai isu khitan anak perempuan ini,

Dr. Amalina juga ada berkongsi mengenai kenyataan Mufti Perlis yang mengatakan bahawa hukum khitan bagi wanita berbeza mengikut keadaan alat sulit seseorang wanita. Ia berdasarkan keadaan setiap wanita setelah ditentukan keperluannya oleh pakar. Jika seseorang wanita mendapati dirinya perlu melakukan khitan dan dipersetujui oleh pakar, maka ianya satu makrumah (penghormatan). Sekiranya didapati tiada keperluan, maka tidak perlu lakukan. Andaian bahawasanya rangsangan seks berlebihan pada wanita disebabkan tidak berkhitan adalah tidak memiliki apa-apa alasan yang kukuh (Mufti Perlis, 2017). Kenyataan ini turut disokong oleh Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri bahawa khitan bagi anak perempuan tidaklah wajib dengan merujuk kenyataan tersebut. Kesimpulannya, dengan manfaat twitter ini iaitu dapat memberi kesedaran tentang isu sekeliling, masyarakat yang pada mulanya tidak tahu atau tidak jelas akan isu ini menjadi tahu, jelas dan cakna akan isu tersebut. Oleh itu, jelaslah daripada manfaat-manfaat yang telah disebut di atas dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian.

Kesimpulan

Twitter adalah salah satu platform yang efektif sebagai ruang untuk berkongsi ilmu serta mengetahui selok-belok perkara yang terjadi di sekeliling secara pantas mengenai isu yang dibincangkan. Seperti yang diketahui, walaupun aplikasi Twitter ini sudah lama dalam

media sosial akan tetapi masyarakat kini masih giat menggunakannya untuk mengetahui isu-isu yang sedang dibahasakan oleh masyarakat terdiri daripada orang-orang yang hebat dan pakar dalam sesuatu bidang. Dari situ pengguna telah diberikan pendedahan awal dan berpeluang untuk mengambil cakna tentang pelbagai isu termasuk isu terkini dalam agama yang sedang berlaku pada masa kini. Malahan, pengkaji telah menyatakan beberapa manfaat yang diperoleh daripada penggunaan Twitter dalam kalangan masyarakat serta contoh-contoh kandungan maklumat yang terdapat padanya berkaitan dengan isu agama. Tidak dapat dinafikan bahawa Twitter ada beberapa kekurangan sebagai platform media sosial akan tetapi manfaatnya juga banyak kerana pada dasarnya kewujudan aplikasi ini adalah untuk memudahkan masyarakat. Oleh itu, kelemahannya bergantung kepada sikap pengguna dan individu itu sendiri dan bukan pada Twitter. Tambahan pula, Twitter telah menyajikan pelbagai fitur yang mesra pengguna agar dapat melancarkan proses perkongsian dan interaksi malah sebagai sebuah platform yang terwal bagi merekodkan maklumat dan isu terkini. Secara ringkasnya, Twitter adalah satu platform media sosial yang mana sering digunakan oleh golongan muda kerana terdapat lambakan kemudahan padanya dan pengguna diberi peluang untuk berkongsi idea sama ada berbetuk teks, gambar, atau video. Pada dasarnya, perkongsian tentang isu terkini dalam agama dapat dilihat pada kandungan maklumat yang telah dikongsikan di laman Twitter. Ini terbukti, bahawa Twitter adalah platform yang sesuai untuk mengemaskini isu terkini yang berkaitan dengan agama kerana secara tidak langsung setiap pengguna dapat berbahas dan bersoal jawab antara satu sama lain dengan menggunakan kemudahan yang telah disediakan.

Rujukan

- Adnan Pitchan, M., Rahman, S. N. H. B. A., & Kashim, M. I. A. M. (2018). Al-daruriyyat theory and the use of social media: A conceptual discussion. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(4), 75–92. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2018-3404-05>
- Karami, A., Lundy, M., Webb, F., & Dwivedi, Y. K. (2020). Twitter and Research: A Systematic Literature Review through Text Mining. *IEEE Access*, 8, 67698–67717. <https://doi.org/10.1109/ACCESS.2020.2983656>
- Kosasih, I., Sultan, I., Hasnuddin, M., & Abstrak, B. (n.d.). Peran media sosial facebook dan twitter dalam membangun komunikasi. *Jurnal.Uinbanten.Ac.Id*. Retrieved December 3, 2022, from <http://jurnal.uinbanten.ac.id/index.php/lbrmasy/article/download/480/416>
- Maria, C. (2020). *Pesan dakwah akun Twitter NU Garis Lucu: analisis semiotik Roland Barthes*. <http://digilib.uinsby.ac.id/id/eprint/44920>
- Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, S., Pengajian Islam, A., Anuar Ramli Jabatan Fiqh dan Usul, M., Zarrina Sa, C., Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, ari, Anir Norman Jabatan Sistem dan Pengurusan Maklumat, A., Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, F., Pengajian Quran dan Sunnah, F., & Hazim Mohd Azhar Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, M. (n.d.). Penggunaan Media Sosial Baharu: Isu-Isu dan Panduan Perspektif Islam. *Ajba.Um.Edu.My*, 50(1), 73–96. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol50no1.4>
- Muhammad Aiman, M. S. (2019). Media Sosial dan Dakwah Menurut Islam. *Prosiding Seminar Sains Teknologi Dan Manusia 2019*, 32(2016), 1527–1536. <http://eprints.utm.my/id/eprint/85123/1/14>
- NoorAthirahMoktar2020_MediaSosialdanKaedahPengajaranMenurutIslam.211-226.pdf

- Mukarom, Z., and, I. R.-A. J. of H., & 2020, undefined. (2021). Mediatization of Da'wah in Disruption Era: Study of Islamic Da'wah in Social Media. *Digilib.Uinsgd.Ac.Id.* <http://digilib.uinsgd.ac.id/37681/>
- Omar, F. I., Rosli, H. F., Zakaria, N. A., Nabila, N., Abdullah, D., Komunikasi, J., Pengurusan, F., & Muamalah, D. (2015). Hubungan penggunaan media sosial dan penerimaan mesej dakwah. *Researchgate.Net*, 2. https://www.researchgate.net/profile/Faradillah-Iqmar-Omar/publication/290226124_HUBUNGAN_PENGGUNAAN_MEDIA_SOSIAL_DAN_PENERIMAAN_MESEJ_DAKWAH/links/5695b4f208ae820ff074e1fe/HUBUNGAN-PENGGUNAAN-MEDIA-SOSIAL-DAN-PENERIMAAN-MESEJ-DAKWAH.pdf
- Prasetya, B. W. (2018). Metode Komunikasi Dakwah Di Media Sosial (Facebook, Youtube, Twitter, Dan Instagram). *INTELEKSIA - Jurnal Pengembangan Ilmu Dakwah*, 8(2), 403–424. <https://doi.org/10.55372/inteleksiajpid.v8i2.177>
- Suminto, A., & Farizi, A. Al. (2020). Analisis Pemanfaatan Media Sosial Twitter oleh Analysis of The Utilization Of Twitter Social Media By Ganjar Pranowo And Ridwan Kamil. *SAHAFA Journal of Islamic Communication*, 2(2), 191–206.
- Tang, Y., & Hew, K. F. (2017). Using Twitter for education: Beneficial or simply a waste of time? *Computers and Education*, 106, 7–118. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2016.12.004>
- YUSOF, Z., & ZULKIFLI, Z. (n.d.). PERKONGSIAN PENGETAHUAN BAGI TUJUAN PEMBELAJARAN MENGGUNA MEDIA SOSIAL: KEPERLUAN KEPADA MODEL. *Core.Ac.Uk.* Retrieved December 3, 2022, from <https://core.ac.uk/download/pdf/33342974.pdf>
- Editor Pentadbiran. (2019, December 9). *Hukum Khitan Anak Perempuan*. Jabatan Mufti Negeri Perlis. <https://muftiperlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/136-hukum-khitan-anak-perempuan>
- Dukungan, H., Terhadap, K., Pasien, M., & Stroke, P. (2022). *Jurnal Pendidikan dan Konseling*. 4, 1707–1715.
- Nadia Fauzi. (2017). Penggunaan Media Sosial Dalam Dunia Tanpa Sempadan : Suatu Kebaikan Atau Keburukan ? *Institut Latihan Kehakiman Dan Perundangan, ILKAP*, 1– 34.
- Rivaldy, A., Fedria Wowor, H. A., Maisya, S. R., & Safitri, D. (2021). Penggunaan Twitter Dalam Meningkatkan Melek Politik Mahasiswa Ilmu Komunikasi Universitas Negeri Jakarta. *Perspektif Komunikasi: Jurnal Ilmu Komunikasi Politik Dan Komunikasi Bisnis*, 5(1), 41. <https://doi.org/10.24853/pk.5.1.41-48>